



PERATURAN PENGINAPAN DI ASRAMA MRSM TDI 2021

1. Penempatan Pelajar

- i. Pelajar tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran Ketua Warden.
- ii. Pelajar hendaklah mengisi Borang Permohonan Asrama(BPA) dan memeriksa serta mengesahkan keadaan alatan yang diterima.
- iii. BPA yang telah ditandatangani oleh pelajar hendaklah diserahkan kepada warden.
- iv. Bayaran ganti rugi akan dikenakan jika terdapat sebarang kerosakan alatan yang dipinjamkan.

2. Kebersihan Bilik

- i. Bilik mestilah sentiasa kemas, bersih dan teratur.
- ii. Kad Identiti Pelajar mesti ditampalkan pada penjuru atas kiri almari.
- iii. Buku dan alatan hendaklah disusun dengan kemas di atas almari sahaja.
- iv. Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- v. Gambar dan poster tidak dibenarkan ditampal di dinding.
- vi. Hanya cadar dan sarung bantal maktab sahaja dibenarkan.
- vii. Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- viii. Pakaian yang kering hendaklah dilipat kemas dan disimpan dalam almari.
- ix. Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan.
- x. Barang-barang yang tidak digunakan seperti beg dan kotak hendaklah disimpan di dalam stor/tempat yang ditentukan.
- xi. Dilarang meletakkan sebarang alatan/barangan di tingkap asrama.
- xii. Kasut hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.
- xiii. Ampaian hendaklah dikosongkan sebelum jam 7.00 malam.
- xiv. Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas bermula.

3. Peraturan Am

- i. Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di tempat perhimpunan pada jam 0715.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik. Sebelum meninggalkan asrama, bilik hendaklah dipastikan kemas dan bersih.
- iii. Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan tidak boleh diubah tanpa kebenaran.
- iv. Semua pakaian pelajar hendaklah ditandai dengan No. Maktab.
- v. Kebersihan persekitaran asrama adalah tanggungjawab bersama.
- vi. Semua jenis makanan basah tidak dibenarkan di asrama.
- vii. Alatan berbahaya seperti pisau, racun, asid dan sebagainya tidak dibenarkan dimiliki/disimpan/diguna di asrama.
- viii. Pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja/ kakitangan asrama.
- ix. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di asrama.
- x. Pelajar bertanggungjawab memastikan semua suis alatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- xi. Pelajar yang sakit hendaklah berada di bilik sakit pada waktu akademik.
- xii. Pelajar hendaklah memastikan asrama berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sebelum pulang bercuti.
- xiii. Pelajar hendaklah mengamalkan amalan penjimatan air dan elektrik bagi mengelakkan pembaziran.
- xiv. Pelajar hendaklah berada di asrama sebelum jam 2300 sehingga jam 0530.

PERATURAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN

1. BILIK REKREASI/ BILIK REHAT/ BILIK BACAAN/ BILIK TELEVISYEN

i. Pelajar dibenarkan menonton televisyen pada waktu-waktu berikut:

Bil.	Hari	Masa
1.	Khamis	9:00pm – 11:00pm
2.	Jumaat	2:30pm – 11:00pm
3.	Sabtu	12:30pm – 5:30pm
5.	Cuti Am (malam cuti)	9:00pm – 11:00pm
5.	Cuti Am (siang)	12:30pm – 11:00pm

- ii. Pelajar tidak dibenarkan menonton pada hari persekolahan
- iii. Pelajar hendaklah menyusun semula alatan selepas menonton televisyen.
- iv. Pelajar hendaklah mematikan suis televisyen, lampu dan kipas selepas digunakan.
- v. Pelajar hendaklah menjaga kebersihan bilik televisyen
- vi. Pelajar dilarang membawa makanan basah ke bilik televisyen.
- vii. Majalah dan bahan bacaan yang dibenarkan oleh maktab sahaja dibenarkan berada di bilik bacaan.
- viii. Semua majalah/ surat khabar hendaklah diletakkan di tempat asal setelah dibaca.
- ix. Kebersihan dan kekemasan bilik rehat hendaklah dijaga dengan rapi.
- x. Majalah/ surat khabar tidak dibenarkan dibawa keluar dari bilik bacaan.

2. BILIK UTILITI

- i. Penggunaan alat elektrik yang dibekalkan oleh pihak maktab sahaja dibenarkan.
- ii. Kebersihan bilik adalah tanggungjawab bersama.
- iii. Pastikan suis alatan yang telah digunakan dimatikan dan plugnya dicabut.
- iv. Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar alatan dari Bilik Utiliti.

3. BILIK SAKIT

- i. Pelajar yang mendapat kebenaran dari pihak maktab sahaja dibenarkan berada di bilik sakit.
- ii. Kebersihan dan kekemasan bilik sakit hendaklah sentiasa dijaga.
- iii. Pelajar dikehendaki mengisi butiran diri di dalam Buku Daftar Bilik Sakit ketika mendaftar masuk dan keluar.

4. SURAU

- i. Semua pelajar Islam wajib solat fardu di surau.
- ii. Pelajar wajib solat Subuh, Maghrib dan Isyak berjemaah, manakala bagi solat Zuhur dan Asar pelajar digalakkan berjemaah walau bagaimanapun pelajar wajib solat fardu di surau.
- iii. Semua pelajar Islam diwajibkan mengikuti aktiviti keagamaan yang diadakan di surau.
- iv. Kebersihan surau adalah menjadi tanggungjawab semua pelajar.
- v. Surau hendaklah digunakan hanya untuk solat dan aktiviti keagamaan sahaja.
- vi. Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai untuk ke surau.
- vii. Penggunaan peralatan surau adalah menjadi tanggungjawab Biro Kerohanian/ BADAR/ BWP.
- viii. Suis Sistem PA, lampu dan kipas hendaklah dimatikan selepas selesai aktiviti surau.
- ix. Pintu, tingkap dan pili air hendaklah ditutup selepas digunakan.

5. PENGGUNAAN TELEFON

- i. Pelajar dibenarkan untuk membawa telefon bimbit atau 'mobile phone' ke maktab.
- ii. Penggunaan telefon bimbit/ 'mobile phone' tidak dibenarkan pada masa-masa berikut:
 - Waktu Akademik
 - Kelas Persediaan
 - Selepas Lampu Dipadamkan
 - Semasa Aktiviti Maktab.
- iii. SOP penggunaan telefon bimbit boleh di rujuk di lampiran A.

6. DEWAN SELERA

- iv. Pelajar hendaklah beratur dan dilarang memotong barisan semasa mengambil makanan.
- v. Kebersihan Dewan Selera adalah tanggungjawab bersama.
- vi. Sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- vii. Pelajar dilarang menyuruh rakan mengambil makanan bagi pihaknya.
- viii. Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- ix. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga adab/tatatertib semasa makan.
- x. Pakaian semasa di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pakaian Dewan Selera.
- xi. Pelajar dilarang membawa keluar makanan dan peralatan dari Dewan Selera.
- xii. Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kaunter agihan makanan tanpa kebenaran TPPP/ KGA.
- xiii. Buku-buku dan peralatan peribadi tidak dibenarkan dibawa ke Dewan Selera.
- xiv. Pelajar yang ingin meminjam/ menggunakan peralatan Dewan Selera mesti mendapat kebenaran Pengetua/ TPPP.

- xv. Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam Jadual Harian/ Mingguan Kehidupan Di Asrama.

7. TANDAS/BILIK MANDI/BILIK BASUH

- i. Pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan tandas/ bilik mandi/ bilik basuh.
- ii. Pelajar dilarang membuang sampah ke dalam mangkuk tandas/singki.
- iii. Pakaian, tuala mandi dan barang peribadi tidak dibenarkan ditinggalkan di dalam tandas/ bilik mandi/ bilik basuh.
- iv. Tuala wanita/ *sanitary pad* hendaklah dibuang di tempat yang dikhaskan.
- v. Pili air dan suis lampu hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
- vi. Pelajar tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam singki.
- vii. Pelajar hendaklah menyediakan jadual tugas membersihkan tandas/bilik mandi/bilik basuh.
- viii. Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak maktab.
- ix. Jadual membersih tandas oleh pelajar hendaklah ditampal di dinding luar bilik air.

PERATURAN KESELAMATAN

1. PENGGUNAAN ELEKTRIK

- i. Lingkaran Pemanas/ *water heater* dan cerek elektrik bukan automatik tidak boleh digunakan.
- ii. Sambungan elektrik secara haram tidak dibenarkan.
- iii. Pastikan plug ditanggalkan dari soket setelah digunakan.
- iv. Penggunaan peralatan elektrik semasa kilat adalah ditegah.
- v. Seterika elektrik boleh digunakan di bilik yang dikhaskan sahaja.
- vi. Semua peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu.
- vii. Menggunakan peralatan elektrik yang rosak adalah ditegah.
- viii. Pastikan semua suis dimatikan selepas digunakan.
- ix. Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada pihak maktab.

2. SEMASA BERLAKU KEBAKARAN

- i. Apabila berlaku kebakaran, loceng kecemasan hendaklah dibunyikan.
- ii. Pelajar pertama yang menyedari kebakaran hendaklah menghubungi pihak bomba.
- iii. Pelajar mestilah meninggalkan bangunan asrama dengan serta-merta.
- iv. Semua suis lampu dan kipas mestilah dimatikan.
- v. Pelajar hendaklah bergerak ke tempat perhimpunan mengikut pelan kecemasan yang ditetapkan.
- vi. Di tempat perhimpunan, pelajar hendaklah berbaris mengikut bilik masing-masing dan ketua aras/blok hendaklah menyemak dan memastikan bilangan pelajar aras mencukupi.
- vii. Ketua aras hendaklah melaporkan bilangan pelajar di aras kepada warden.
- viii. Warden hendaklah melaporkan kejadian kebakaran kepada Pengetua.
- ix. Pelajar hanya dibenarkan bersurai apabila diarahkan.

3. KESELAMATAN WANG

a. WANG TUNAI

- i. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan wang tunai lebih daripada RM20.00 (RM: Dua Puluh Sahaja).
- ii. Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank atau penasihat homeroom/warden.

b. KAD ATM

- i. Kad ATM mestilah disimpan di tempat yang selamat.
- ii. Nombor PIN hendaklah dihafal dan dimusnahkan.
- iii. Pelajar tidak dibenarkan meminta bantuan orang lain untuk mengeluarkan wang dengan menggunakan kad ATM.
- iv. Pelajar hendaklah melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera kepada pihak berkenaan.

4. KESELAMATAN UMUM

- i. Penggunaan ubat nyamuk lingkar, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
- ii. Pelajar hendaklah mengetahui cara menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.
- iii. Jika berlaku kecemasan pelajar hendaklah menghubungi Warden/ Ketua Warden/Pengawal Keselamatan dengan segera.
- iv. Peti pertolongan cemas boleh didapati daripada Warden/ Bilik Rawatan/ Pejabat Warden/ Pondok Pengawal.

